SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

KERAJAAN PERKUKUH PELAKSANAAN CRESS DAN MEMPERKENALKAN PAKEJ PEMERKASAAN CRESS (*CRESS ACCELERATION PACKAGE)* BAGI MENGGALAKKAN PEMBEKALAN ELEKTRIK HIJAU SECARA LANGSUNG

PUTRAJAYA, 18 SEPTEMBER 2026 - Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) akan memperkukuh pelaksanaan *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) melalui beberapa langkah penambahbaikan bagi meningkatkan daya maju program, memberi kepastian yang lebih baik kepada industri serta mempercepatkan pembangunan kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) baharu dalam sistem elektrik negara.

CRESS merupakan mekanisme akses pihak ketiga (*Third Party Access* – TPA) yang membolehkan *Renewable Energy Developer* (RED) membekalkan elektrik hijau kepada Green Consumer (GC) dengan menggunakan rangkaian grid elektrik sedia ada. Program ini menyediakan pilihan tambahan kepada pengguna korporat untuk mendapatkan bekalan elektrik hijau secara langsung daripada pemaju TBB.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2024, sebanyak 11 RED dan 8 GC telah berdaftar dengan Single Buyer, melibatkan jumlah kapasiti projek sebanyak 3,148 megawatt (MW). Perkembangan ini menunjukkan minat yang memberansangkan daripada industri untuk memanfaatkan CRESS sebagai salah satu mekanisme pemerolehan bekalan elektrik hijau.

Bagi memperkukuh lagi pelaksanaan program ini, PETRA telah meneliti

beberapa isu yang dibangkitkan industri, khususnya berkaitan *System Access Charge* (SAC), kebolehbankan projek, keperluan teknikal serta struktur kontrak dan proses kelulusan.

Maklum balas tersebut turut diperoleh melalui Sesi Libat Urus Strategik CRESS 2026 pada 25 Mei 2026, yang melibatkan hampir 200 peserta daripada institusi kewangan, pemaju TBB, pengguna korporat dan pemain industri. Antara perkara utama yang diketengahkan ialah keperluan meningkatkan ketelusan dan kebolehramalan SAC untuk menyokong pembiayaan projek jangka panjang. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju supaya hala tuju penambahbaikan CRESS memberi tumpuan kepada tiga aspek utama, iaitu:

a) memudah dan memperjelas prosedur serta struktur kontrak CRESS, termasuk menetapkan tempoh kontrak minimum selama 10 tahun dan memperkemas dokumentasi serta proses pelaksanaan;
b) menambah baik keperluan teknikal, termasuk berkaitan konfigurasi solar PV dan Battery Energy Storage System (BESS), operasi sistem serta akses kepada maklumat kapasiti sambungan grid; dan
c) menambah baik prinsip penetapan SAC mulai Tempoh Kawal Selia ke -5 mulai 2028 bagi memastikan struktur caj yang lebih telus, munasabah dan mencerminkan kos sistem sebenar, tanpa memindahkan kos secara tidak wajar kepada pengguna elektrik lain.

PAKEJ PEMERKASAAN CRESS (*CRESS ACCELERATION PACKAGE)*

Sebagai langkah untuk mempercepatkan projek CRESS yang mempunyai tahap kesiapsiagaan tinggi, Kerajaan turut memperkenalkan Pakej Pemerkasaan CRESS (*CRESS Acceleration Package*).

Di bawah pakej ini, kadar SAC sebanyak 14 sen/kWj bagi bekalan tetap (*firm*) akan diperkenalkan. Selain itu, tempoh kontrak selama 10 tahun antara RED dan GC akan dikuatkuasakan. Pendekatan ini bertujuan memberikan kepastian kos jangka panjang kepada RED, GC serta

institusi kewangan dan seterusnya meningkatkan kebolehbankan projek.

Bagi memastikan pakej ini benar-benar mempercepatkan pembangunan kapasiti penjanaan baharu, projek yang ingin menikmati kadar tersebut hendaklah mencapai *Commercial Operation Date* (COD) selewat-lewatnya pada 31 Disember 2028.

Sekiranya projek gagal mencapai COD dalam tempoh yang ditetapkan, kelayakan di bawah *CRESS Acceleration Package* akan terbatal dan projek berkenaan akan tertakluk kepada kadar serta terma SAC yang berkuat kuasa pada masa tersebut. Sebarang permohonan untuk melanjutkan tempoh COD tidak akan dipertimbangkan.

Pakej ini bukan sahaja memberi peluang kepada RED dan GC yang telah berdaftar dengan Single Buyer, malah turut terbuka kepada RED dan GC baharu yang bersedia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, berkata penambahbaikan CRESS merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan membangunkan pasaran elektrik yang lebih terbuka, kompetitif dan responsif terhadap keperluan pengguna.

Penambahbaikan CRESS juga mengambil kira keperluan memastikan peningkatan penyertaan TBB dilaksanakan secara teratur tanpa menjejaskan keselamatan dan kestabilan sistem elektrik. Justeru, keperluan teknikal berkaitan integrasi solar, BESS, firming capability dan sambungan grid akan terus diperhalusi oleh Suruhanjaya Tenaga bersama entiti berkaitan.

Kerajaan berpandangan bahawa pengukuhan CRESS akan meningkatkan pilihan pemerolehan elektrik hijau kepada sektor korporat, merangsang pelaburan swasta dalam pembangunan TBB serta membantu memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat.

Pada masa yang sama, prinsip asas CRESS akan terus dikekalkan, iaitu kos yang berkaitan dengan program hendaklah diagihkan secara munasabah kepada pihak yang menerima manfaat dan tidak dipindahkan

secara tidak wajar kepada pengguna elektrik lain.

Pelaksanaan langkah-langkah ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk membangunkan ekosistem bekalan elektrik hijau yang lebih berdaya saing, telus dan *bankable*, di samping memperkukuh keselamatan bekalan elektrik dan menyokong aspirasi peralihan tenaga negara.


Penjelasan lanjut mengenai *CRESS Acceleration Package* akan diperincikan oleh Suruhanjaya Tenaga dan maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman sesawang Suruhanjaya Tenaga di pautan https://www.st.gov.my.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
18 SEPTEMBER 2026

Enhancing SAC Cost Reflectivity, Transparency & Long-Term Certainty

- SAC reflects the underlying cost of providing the service, supporting appropriate cost recovery while enhancing visibility and predictability

CRESS Acceleration Package



Renewable Energy Developers (REDs) — **14.0**[1] sen/kWh



Green Consumers (GCs) — **4.0**[2] sen/kWh

	SAC Component	REDs	GCs
1	Integration & Balancing	6.2	-
2	Operation & Regulatory	1.4	1.0
3	Market Development	3.2	1.5
4	System Augmentation	3.2	1.5

Notes:

[1] Fixed rate applicable for 10 years from Commercial Operation Date (COD)

[2] 4 sen/kWh for RP4 and subject to Regulatory Period (RP) review